



HELAIAN DATA KESELAMATAN

1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Pengenalan Produk: POP FLUX 30B

Nombor SDS: SDS-4637

Tarikh Semakan: 22 JUN 2018

Kegunaan Produk: Kegunaan Industri: (Campuran) -fluks

PENGILANG:

Di Dalam Amerika Syarikat:

The Indium Corporation of America®
34 Robinson Rd., Clinton, New York 13323
Maklumat: (315) 853-4900
nswarts@indium.com

TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 hrs.
USA: 1 (800) 424-9300
Di luar Amerika Syarikat: +1 (703) 527-3887

Di Dalam Eropah:

Indium Corporation of America (European Operations)
7 Newmarket Ct.
Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG
Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di Dalam China:

Indium Corporation(Suzhou) Co., Ltd.
No. 428 Xinglong Street
Suzhou Industrial Park
Suchun Industrial Square
No. 14-C
Jiangsu Province, China 215126
Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

Indium Corporation of America®
Asia-Pacific Operations-Singapore
29 Kian Teck Avenue
Singapore 628908
Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALPASTIAN BAHAYA

GHS:



Kata Isyarat: Bahaya

Pernyataan Bahaya:

H317	Boleh menyebabkan tindak balas alahan kulit
H226	Cecair dan wap mudah terbakar
H302	Berbahaya jika tertelan
H332	Berbahaya jika terhidu
H334	Boleh menyebabkan gejala alahan atau asma atau kesukaran bernafas jika terhidu
H360FD	Boleh menjejaskan kesuburan. Boleh menjejaskan bayi belum lahir
EUH208	Mengandungi rosin. Mungkin menyebabkan reaksi alahan

Pernyataan(-pernyataan) berjaga-jaga

P210	Jauhkan daripada haba/percikan api/nyalaan terbuka/permukaan panas. – Dilarang merokok
P233	Pastikan bekas ditutup rapat
P261	Elakkan menyedut habuk/wasap/gas/kabus/wap/semburan
P270	Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
P273	Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran
P280	Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perlindungan mata/perlindungan muka
P362	Tanggalkan pakaian tercemar dan basuh sebelum menggunakannya semula
P301 + P314	JIKA TERTELAN: Dapatkan rawatan/nasihat perubatan jika anda rasa kurang sihat
P302 + P352	JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak
P304 + 341	JIKA TERHIDU: Jika mangsa sukar bernafas, pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan rehat supaya mangsa dapat bernafas dengan selesa
P305 + 351	JIKA TERKENA MATA: Bilas dengan air mengalir selama beberapa minit (15 min)

Pengelasan:

Pemekaan, kulit- Kategori 1B
 Cecair mudah terbakar- Kategori 3
 Ketoksikan akut, oral- Kategori 4
 Ketoksikan akut, penyedutan- Kategori 4
 Pemekaan, pernafasan – Kategori 1B
 Ketoksikan pembiakan- 1B

KESAN-KESAN KESIHATAN BERPOTENSI:

Terkena Mata: Merengsakan mata dan jika tidak dikeluarkan serta-merta boleh menyebabkan kecederaan mata yang serius. Jangan biarkan bahan terkena mata.

Pengingesan: Berbahaya jika tertelan. Boleh menyebabkan kerengsaan dan kerosakan pada mulut, esofagus dan saluran gastrousus.

Penyedutan: Kepekatan wap panas boleh memudaratkan jika terhidu. Boleh menyebabkan kerengsaan atau merosakkan saluran pernafasan. Rosin boleh menyebabkan asma pekerja.

Sentuhan Kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Reaksi alahan atau dermatitis mungkin berlaku, terutama selepas pendedahan berulang atau berpanjangan. Boleh memudaratkan jika diserap melalui kulit

Kronik: Belum ditetapkan. Mengandung kimia yang boleh menjejaskan pembiakan atau memudaratkan anak yang dikandung.

Organ sasaran(2-methoxyethanol): CNS/hati/paru-paru/buah pinggang/sistem imun/sumsum tulang.

Amaran: Produk ini mengandungi bahan kimia yang diketahui oleh Negeri California sebagai penyebab kanser dan/atau kecacatan semasa lahir (atau kemudaratan pembiakan yang lain) (2-methoxyethanol)

PERHATIAN: Indium Corporation tidak mengesyorkan, membuat, memasarkan atau menyokong mana-mana produknya untuk dimakan atau sebagai bahan makanan manusia.

3. KOMPOSISI / MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Komponen	% wt	CAS Registry #	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
ROSIN	45-55	65997-05-9 (US)	N.E.	N.E.	N.E.
		(EU)	0.05	N.E.	0.15 (pemekaan)
2-METHOXYETHANOL	30-45	109-86-4	80 (kulit)	16	N.E.
		(EU)	16 (MEL-kulit)	N.E.	N.E.
		(Kanada)	N.E.	16	32
ASID KARBOKSILIK (BUKAN BAHAYA)	10-15	68937-69-9	N.E.	N.E.	N.E.

N.E. = Belum ditetapkan

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN KECEMASAN

Terkena Mata: Angkat kelopak mata dan bilas mata dengan air suam sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan bantuan perubatan jika kerengsaan berlaku.

Tertelan: Jika pesakit sedar, HANYA cetuskan muntah seperti yang diarahkan oleh kakitangan terlatih. JANGAN memberi apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penyedutan: Pindahkan ke kawasan berudara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan pemulihan atau oksigen oleh kakitangan terlatih. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Terkena Kulit: Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terjejas dengan sabun dan air. Basuh pakaian sebelum dipakai semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM API

Takat Kilat: 46 C (115 F) **Kaedah:** Tidak tersedia

Suhu Pencucuhan Auto: Belum ditetapkan.

Had Mudah Bakar: Mudah bakar – belum ditetapkan

Bahan Pemadam Api: Gunakan alat pemadam yang sesuai bagi keadaan persekitaran kebakaran.

Prosedur Memadam Api Khusus: Anggota bomba perlu memakai alat bantuan pernafasan serba lengkap dan pakaian perlindungan penuh yang diluluskan oleh NIOSH.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TAK SENGAJA

Prosedur Kebocoran atau Tumpahan: Pakai alat pernafasan dan perlindungan diri yang sesuai (Lihat Bahagian Kawalan Pendedahan/Perlindungan Diri). Serap tumpahan dengan bahan lengai (cthnya., pasir kering atau tanah), kemudian masukkan ke dalam bekas sisa kimia. Melupuskan mengikuti semua peraturan Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Jauhi daripada sumber pencucuhan.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

Langkah Berjaga-jaga Pengendalian: Pastikan bekas-bekas ditutup rapat apabila tidak digunakan. Berhati-hati untuk mengelakkan tumpahan. Elakkan daripada menyedut wap dari bahan yang dipanaskan. Elakkan terkena mata, kulit dan pakaian. Guna dengan pengudaraan yang mencukupi. Jauhi daripada sumber pencucuhan. Bumikan bekas-bekas.

Langkah berjaga-jaga Penyimpanan: Simpan produk di dalam bekas-bekas asal yang ditutup rapat di tempat yang sejuk dan kering. Jauhkan daripada haba dan api. Simpan jauh dari bahan-bahan yang tidak sesuai. Bekas-bekas kosong mungkin berbahaya kerana ia mengandungi sisa produk.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

Kawalan Kejuruteraan: Ventilasi ekzos disyorkan untuk mengawal paras bawaan udara dan mengekalkan pendedahan pada tahap yang serendah yang mungkin. Bahan disyorkan tidak boleh digunakan tanpa ventilasi yang sesuai.

Perlindungan diri:

Mata: Cermin mata keselamatan kimia dengan pelindung sisi atau gogal. Pelindung muka untuk bahaya percikan.

Respirator: Respirator pembersih udara yang diluluskan pihak berkuasa atau ditanda sebagai patuh dengan katrij wasap/kimia organik disyorkan dalam keadaan tertentu di mana konsentrasi bawaan udara dijangka tinggi atau apabila tiada ventilasi yang mencukupi.

Kulit: Sarung tangan tahan kimia yang sesuai. Pakaian perlindungan luaran, apron dan baju berlengan yang sesuai.

Lain: Pancuran air untuk mata di tempat kerja. Elak daripada menggunakan kanta lekap.

Amalan-amalan Kerja/Kebersihan: Mengekalkan pengemasan yang baik. Bersihkan tumpahan dengan segera. Elakkan daripada makan, merokok atau minum di kawasan kerja. Basuh tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air selepas pengendalian.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Penampilan:	Fluks	Takat Didih:	Tidak berkaitan.
Bau:	Bau berciri lembut.	Takat Lebur:	Tidak berkaitan
Graviti Khusus:	Tidak berkaitan.	pH:	Tidak berkaitan
Tekanan Wap:	Tidak terpakai.	Keterlarutan dalam Air:	Tidak Larut
Ketumpatan Wap:	(udara=1) Tidak berkaitan.	Takat Kilat:	46C (115 F)

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Umum:	Stabil.
Keadaan-keadaan untuk Dielakkan:	Suhu tahap beku. Suhu tinggi.
Bahan Tidak Serasi:	Sumber pencucuhan
Penguraian Bahaya / Pembakaran:	Wasap organik bahaya dan wasap organik toksik mungkin terbentuk pada suhu tinggi.
Pempolimeran Berbahaya:	Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan:	NTP: Tidak		
	OSHA: Tidak		
	IARC: Tidak		
LD50:	Belum ditetapkan.	LC50:	Belum ditetapkan.
Lain: 2-methoxyethanol			
LD50 oral- 2370 mg/kg (tikus)			
LD50 Dermal – 1280 mg/kg (arnab) & 2000 mg/kg (tikus)			

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Produk belum diuji.
2-methoxyethanol
500 mg/l LC50 96h (ikan air tawar)
10000 mg/l LC50 96h (ikan air tawar)

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Kaedah Pelupusan Sisa: Lupuskan mengikut semua peraturan alam sekitar Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Jangan guna semula bekas kosong. Lupuskan produk sebagai bahan mudah bakar. Elak pelepasan ke persekitaran.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Pengangkutan mengikut peraturan dan syarat yang berkaitan.
Nama Penghantaran: UN 1188, Ethylene Glycol Monomethyl Ether, 3, PG III



Buku Panduan Kecemasan Amerika Utara – Panduan #127

15. MAKLUMAT PERATURAN

Maklumat dalam Helaian Data Keselamatan ini memenuhi keperluan peraturan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Amerika Syarikat dan peraturan yang diisytihar di bawah ini (29 CFR 1910.1200 ET. SEQ.).

California Prop 65: Amaran: Produk ini mengandungi bahan kimia yang diketahui oleh Negeri California sebagai penyebab kanser dan/atau kecacatan semasa lahir (atau kemudaratan pembiakan yang lain) (2-methoxyethanol)

Senarai SARA 313 - 40 CFR 372.65 : 2-methoxyethanol

Semua ramuan telah disenaraikan di dalam Inventori EPA TSCA.

Produk ini telah dikelaskan sebagai kriteria bahaya mengikut Peraturan Produk Kawalan (Canadian Controlled Products Regulation (CPR)).



WHMIS Kanada: Kelas B Bahagian 2 Mudah Bakar, D2B Bahan Toksik Menyebabkan Kesan Toksik Lain (merengsa mata bagi binatang) (merengsa kulit/pemekaan kulit).

Produk ini telah dikelaskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Perindustrian Republik Singapura.

Produk ini telah dikelaskan mengikut: Malaysia – PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PENGELASAN, PELABELAN DAN HELAIAN DATA KESELAMATAN BAGI BAHAN KIMIA BERBAHAYA) OKTOBER 2013 – (KELAS).

Maklumat Peraturan di China:

GB/T 16483-2008, GB/T 17519-2013, Safety Data Sheets for Chemical Products

GB 30000.2-29-2013, Rules for classification and labeling of chemicals (GHS)

Decree No. 591: Regulations on the Control Over Safety of Hazardous Chemicals.

16. MAKLUMAT LAIN

Kadar Bahaya HMIS:	Kesihatan:	2
	Kebakaran:	2
	Bahaya Fizikal:	0
Tarikh Semakan:	22 JUN 2018	
Disediakan Oleh:	Nancy Swarts, Indium Corporation of America	
Diluluskan Oleh:	Nancy Swarts, Indium Corporation of America	

Maklumat dan saranan yang terkandung di sini adalah, mengikut pengetahuan dan kepercayaan The Indium Corporation of America, tepat dan boleh dipercayai mengikut tarikh yang dikeluarkan. The Indium Corporation of America tidak mengesahkan atau menjamin ketepatan atau kebolehpercayaan mereka, dan The Indium Corporation of America tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada pengguna itu. Maklumat dan cadangan yang ditawarkan untuk pertimbangan dan pemeriksaan pengguna, dan ia menjadi tanggungjawab pengguna untuk memuaskan hatinya bahawa ianya adalah sesuai dan lengkap bagi kegunaan yang tertentu. Jika pembeli membungkus semula produk ini, penasihat undang-undang perlu dirujuk untuk memastikan maklumat kesihatan, keselamatan dan maklumat lain yang betul telah disertakan pada bekas.